

NO SOALAN : 123

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[ KLANG ]**

**SOALAN NO. 123**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kesedian Kerajaan untuk membentuk jawatankuasa khas untuk menjalankan "prepatory works" untuk mengadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dalam masa yang terdekat.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa kini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) belum bersedia membentuk jawatankuasa khusus untuk menjalankan *prepatory works* bagi menjalankan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dalam masa terdekat.
2. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Khas untuk menjalankan kerja-kerja persiapan pelaksanaan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan boleh dipertimbangkan setelah keputusan dasar mengenainya dibuat oleh Jemaah Menteri.
3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, sehingga kini, KPKT telah mengadakan 3 siri bengkel Kajian Kebolehlaksanaan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan sepanjang tempoh 2018-2019. Lanjutan daripada siri bengkel tersebut, Kertas Jemaah Menteri berhubung cadangan pindaan Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) untuk memberi ruang kepada pemilihan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui kaedah Pilihan Raya Kerajaan Tempatan sedang disediakan untuk pertimbangan dan persetujuan dasar Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.